



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41 (7)

Tarikh: 31 Oktober 2012

SIARAN MEDIA

MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) 2012

Putrajaya, 31 Oktober 2012 – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan Sambutan Hari Inovasi KPKT 2012 yang bertemakan Kreativiti dan Inovasi Memperkasa Transformasi. Majlis ini adalah selaras dengan pelaksanaan Garis Panduan Peningkatan Budaya Inovasi Dalam Sektor Awam yang mendokong kepentingan budaya inovasi dalam membudayakan agenda transformasi sektor awam. Tema sambutan kali ini bermaksud kreativiti dan inovasi membawa kepada keberkesanan program transformasi selaras dengan hasrat merakyatkan perkhidmatan awam. Ini memberi isyarat jelas bahawa “KPKT sanggup bersama rakyat, memahami cita rasa rakyat dan sanggup berusaha gigih, jujur dan ikhlas, agar jangkaan rakyat dapat dipenuhi Kerajaan.”

Di majlis ini, KPKT memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada inisiatif inovasi warga KPKT yang telah berjaya menunjukkan kreativiti dan inovasi yang dipilih melalui pertandingan yang telah diadakan pada tahun ini seperti Anugerah Pertandingan Mencipta Tema Hari Inovasi KPKT 2012, Pertandingan Debat KPKT, Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha dan Anugerah Khas Menteri. Pameran Hari inovasi di lobi KPKT pada pagi ini diadakan bagi mempamerkan inovasi-inovasi yang memenangi Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha dan

Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KI&K) di 8 (lapan) buah booth . Majlis pada pagi ini diserikan dengan kehadiran Ketua Setiausaha KP&KT, Ketua-Ketua Pengarah, Setiausaha/Pengarah Bahagian di bawah Kementerian, pemenang-pemenang anugerah dan warga KP&KT.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KP&KT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KP&KT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon :03-8891 5555 Faks:03-8891 5557 E-mail : pro@kpkt.gov.my